

CNS1891

U GB 21-06 00180 BH869

AAB

Mahathir - Memorandum

DR MAHATHIR SAKSTKAN UPACARA MENANDATANGANI PERJANJIAN PERUMAHAN

T

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman antara konsortium Malaysia dan Amerika bagi melaksanakan projek perumahan dan infrastruktur di Afrika Selatan.

Syarikat-syarikat dari Malaysia yang diketuai Taliworks (Oversea) Sdn Bhd akan terlibat dalam pembinaan rumah kos rendah dan sederhana serta kemudahan infrastruktur lain.

Ta akan turut membantu mewujudkan sebuah bandar baru selain daripada membangunkan bandar-bandar yang sedia ada.

Konsortium dari Amerika yang diketuai Black & Veatch International Company itu akan bertanggungjawab mereka pelan induk bandar berkenaan dan pembangunan perumahannya selain daripada menyediakan kemudahan kewangan dan menyertai dalam projek pejanaan tenaga.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas majlis itu, Dr Mahathir berkata, beliau gembira yang syarikat-syarikat dari Amerika dan Malaysia bekerjasama untuk pembangunan Afrika Selatan.

"Kita kerap kali menekankan bahawa dalam hubungan kita dengan Afrika Selatan bahawa kita akan menyumbang ke arah menyelesaikan sebahagian daripada masalah sosial, ekonomi dan juga politik mereka," katanya. -- Iqti.

▼21/06/20-51MST

CNS1894

U GB 21-06 00150 BH870

AAB

Mahathir - Memorandum 2 Kuala Lumpur

Katanya, keadaan di Afrika Selatan ialah seperti yang terdapat di Malaysia dengan wujudnya keperluan untuk menyusun semula masyarakat dan mengajak setiap rakyat bersama agar mereka memperolehi sebahagian daripada kekayaan negara.

"Saya berpendapat di sinilah Malaysia memiliki kecekapan," katanya dan menambah kata bahawa Malaysia boleh membantu untuk menyelesaikan masalah berhubung dengan pembangunan kaum yang berat sebelah di Afrika Selatan.

Dr Mahathir berkata, beliau yakin yang syarikat-syarikat Malaysia dan Amerika yang terlibat dalam projek tersebut menyedari terhadap masalah berkenaan dan akan melaksanakan projek masing-masing dengan mengambil kira keadaan itu.

Menyentuh mengenai pembukaan sebuah Suruhanjaya Tinggi di Afrika Selatan, beliau berkata, Wisma Putra telah menghantar seorang wakil ke negara itu.

Memorandum persefahaman itu ditandatangani Pengetua Taliworks, Datuk Mohd Hussaini Abdul Jamil, Pengarah Urusan dan Eksekutif Serantau Asia Pasifik, Black & Veatch, Howard A. Russel.

Menteri Kerja Raya, Datuk Leo Moggie yang turut berada pada majlis itu berkata, Taliworks berpengalaman dalam kerja-kerja pembinaan khususnya dalam projek air.

Hussaini pula memberitahu pemberita bahawa projek itu ialah hasil nasihat Dr Mahathir kepada syarikat-syarikat Malaysia agar mewujudkan kerjasama Selatan-Selatan serta susulan rundingan perdana menteri dengan Presiden Clinton mengenai perkara itu.

Sementara itu, Russel berkata, banyak kajian yang perlu dilaksanakan khususnya untuk mengenal pasti lokasi terbaik bagi projek itu sebelum kedua-dua pihak dapat bertindak lebih lanjut. -- Bernama.

JO KAM.

▼21/06/21-26MST